

**Pemilihan Umno Kali Ini Kurang Dicemari Budaya Negatif - Hishammuddin
Bernama
17 Ogos, 2013**

BERUAS, 17 Ogos (Bernama) -- Naib presiden Umno Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein melihat pemilihan Umno Oktober ini kurang dicemari budaya negatif seperti serangan peribadi.

"Setakat hari ini saya rasa lega kerana budaya negatif dahulu yang boleh merosakkan parti dan boleh menjejaskan perpaduan kali ini tidak nampak ketara sangat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri Umno Bahagian Beruas pada Sabtu.

Persidangan bahagian dan pemilihan anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno akan berlangsung pada 19 Okt.

Sejumlah 146,500 anggota parti peringkat akar umbi di 191 bahagian akan terlibat dalam pemilihan bagi jawatan presiden, timbalan presiden, tiga naib presiden dan 25 anggota MT, selain anggota jawatankuasa bahagian.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970681>